

15 November 2017 (Wednesday)

**EKONOMI > BERITA**



## QSR Brands Bekerjasama Dengan Pemaju Buka Restoran

Tarikh kemaskini: 15/11/2017

SEREMBAN, 15 Nov (Bernama) – QSR Brands (M) Holdings Bhd, pengendali rantaian restoran Kentucky Fried Chicken (KFC) dan Pizza Hut merancang untuk bekerjasama dengan pemaju utama di seluruh negara bagi membuka restoran baharu sebagai sebahagian daripada model perniagaan baharunya.

Pengarah Urusannya, Datuk Mohamed Azahari Kamil berkata, syarikat itu ingin bekerjasama dengan pemaju yang melaksanakan pembangunan perbandaran bersepadu.

"Dalam usaha kami untuk berkembang, kami perlu mengenal pasti rakan usaha sama dan rakan kongsi berpotensi kerana kami percaya semangat kerjasama akan menjadikannya lebih mudah untuk kami, dari segi mengurangkan kos serta memasarkan KFC dalam komuniti tempatan.

"Kami mahu mengadakan lebih banyak kerjasama dengan pemaju yang dihormati yang dapat mewujudkan komuniti yang baik kerana dengan kejayaan perbandaran, akan wujud lebih banyak nilai dan pelanggan yang akan datang ke restoran kami," katanya kepada pemberita pada majlis pecah tanah cawangan KFC ke-700 di Bandar Sri Sendayan dekat sini, hari ini.

Pengerusi Matrix Concepts Holdings Bhd (MCHB), Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin dan Pengarah Urusan Kumpulan MCHB, Datuk Lee Tian Hock turut hadir.....

Untuk berita penuh sila langgan [BERNAMA.com](http://BERNAMA.com) *Xtra* [Klik di sini]